


One South pemacu utama hasil kumpulan Hua Yang



ONE South menawarkan 1,200 unit kediaman servis dengan keluasan dari 1,000 kaki persegi ke atas.

HUA Yang Bhd, antara pemaju perumahan yang sinonim dalam segmen kediaman mampu milik, akan meningkatkan lagi projek pembangunan pada tahun ini dengan menyiapkan projek terbesarnya di Lembah Klang iaitu, One South, Sungai Besi, dengan nilai pembangunan kasar RM750 juta.

Ketua Pegawai Operasi Hua Yang, Ho Wen Yan berkata, projek yang akan menjadi pemacu utama hasil kumpulan itu, muncul sebagai projek terpenting daripada keseluruhan projek dalam pembangunannya bernilai RM1 bilion yang akan disiapkan tahun ini.

One South adalah projek pembangunan berampur terdiri daripada unit peruncitan, komersial dan kediaman yang dibangunkan di atas tanah seluas 7.156 hektar di Sungai Besi, Kuala Lumpur.

Dengan lokasinya di tengah-tengah bandar raya, kawasan itu kini dikategorikan sebagai 'pintu masuk utama' ke kawasan selatan Kuala Lumpur susulan terbentuknya laluan lebuh raya yang lengkap.

Wen Yan berkata, One South, diapit oleh dua lebuh raya utama iaitu Lebuh Raya KL Seremban (PLUS) dan Lebuh Raya BESRAYA yang menghubungkan Lebuh Raya Sungai Besi Puchong, Lebuh Raya SILK, Lebuh Raya Damansara Puchong (LDP), Lebuh Raya Lembah Klang Selatan (SKVE), Lebuh Raya KL Putrajaya, MRR2, Lebuh Raya Shah Alam (KESAS) dan Lebuh Raya Baru Lembah Klang (NKVE).

"Kami membayangkan One South sebagai satu daripada pemacu utama hasil untuk Hua Yang tahun ini dan menerusnya kami yakin berupaya meraih sasaran jualan RM300 juta.

"Sasaran itu adalah selaras dengan hasrat kami untuk menjadi antara lima pemaju utama di Malaysia dalam tempoh lima hingga tujuh



Ho Wen Yan

tahun lagi.

"Justeru, untuk mentapainya, kami perlu mendapatkan secara progresif jualan di antara RM500 hingga RM600 juta setiap tahun," jelasnya.

Menurut Wen Yan, One South dibangunkan dalam lima fasa di mana fasa pertama terdiri daripada pembangunan unit peruncitan dan pejabat.

Katanya, fasa kedua, ketiga dan keempat pula adalah pembangunan unit pangsapuri servis manakala fasa kelima adalah untuk unit pejabat.

Mengulas lanjut, Wen Yan berkata dalam fasa pertama, pihaknya menawarkan 384 unit kedai pejabat berkonsepkan medan persiaran lengkap dengan laluan pejalan kaki yang berlandskap dan bumbung bertatapan kaca bagi mencipta suasana santai untuk bekerja dan bermain.

Katanya, dibangunkan di atas tanah seluas 1.72 hektar, unit pembangunan itu menampilkan keluasan lot pejabat dan runtut bermula daripada 479 kaki persegi hingga 2,100 kaki persegi, dengan harga dari RM350 sekaki persegi hingga RM700 sekaki persegi.

"Bakal pembeli telah pun menunjukkan minat apabila sejak pelancaran tidak rasmi kami pada Februari lalu, sebanyak 90 peratus atau sekitar 47 unit daripada 155 unit pejabat yang ditawarkan telah dijual," katanya.

Menurutnya, satu daripada sebab utama One South memperoleh minat yang tinggi daripada kalangan pemilik perniagaan ialah ciri unik kedai runcit terbebit.

"Kami menawarkan kedai dwi buka depan yang menghadap Lebuh Raya KL Seremban atau menghadap medan persiaran atau pangsapuri servis dengan pemilik perniagaan dijamin mendapat bukaan depan yang maksimum dengan kedai mudah dilihat," katanya.

Selain itu, Wen Yan berkata, Hua Yang juga kini bersedia menjadikan One South sebagai salah satu mercu tanda ikonik di Sungai Besi dengan muka bangunan rekaan khas yang menarik perhatian dan panel kaca bercorak di atas bumbung untuk memaksimumkan pencahayaan semula jadi.

Katanya, bagi fasa kedua hingga lima, pembangunan One South akan menawarkan 1,200 unit kediaman servis dengan keluasan dari 1,000 kaki persegi dan ke atas.

Dengan harga bermula daripada RM250 kaki persegi, pangsapuri servis yang berkepadatan rendah itu akan disambungkan menerusi laluan pejalan kaki ke komponen membeli-belah dan pejabat, sekali gus menjadikannya sebagai pilihan yang paling sesuai untuk pasangan muda, siswazah, dan mereka yang ingin meningkatkan status dan pelaburan.

"Untuk bakal penghuni, pembeli dan pekerja pejabat, kami juga menyediakan perkhidmatan bas ulang-alik ke RTM Serdang, LRT Bukit Jalil, LRT Sungai Besi dan juga Pusat Membeli-Belah The Mines.

"Tambah lagi, kawasan komersial akan dilengkapi dengan Wi-Fi dan kawalan keselamatan 24 jam serta televisyen litar tertutup (CCTV)," katanya.

Pembinaan fasa pertama pembangunan One South telah bermula pada Mac lalu dengan tarikh siap 36 bulan dari tarikh Perjanjian Jual-Beli (SPA).

Maklumat lanjut boleh didapati menerusi www.onesouth.com.my atau menghubungi talian 03-89458878.